**PUTRAJAYA** - Kerajaan menangguhkan kutipan fi import bagi empat komoditi makanan ternakan terdiri daripada jagung, soya, gandum dan komoditi proses berasaskan haiwan serta tumbuhan bagi tujuan penyediaan makanan ternakan berkuat kuasa serta-merta.

Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) dalam kenyataan pada Selasa memaklumkan, langkah tersebut bagi memastikan sekuriti makanan dalam negara terjamin.

"Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) akan memudah cara prosedur import ke atas empat komoditi itu," kata kenyataan itu.

Sebelum ini, kadar fi import ditetapkan bagi jagung, gandum dan soya bagi setiap permit adalah RM15 manakala RM20 bagi permit makanan ternakan lain berasaskan haiwan dan tumbuhan.

MAFI berkata, Maqis juga akan melaksanakan proses kemasukan pantas di pintu-pintu masuk negara bagi komoditi tersebut dalam usaha melancarkan proses pengimportan sekali gus mengurangkan kos logistik yang terlibat dalam aktiviti pengimportan.

"Kos bahan mentah makanan ternakan yang tinggi dalam industri ternakan telah dikenal pasti sebagai salah satu faktor kenaikan harga bahan makanan seperti ayam bulat di pasaran tempatan," ujarnya.

Kementerian itu berkata, sebahagian besar komoditi bahan mentah bagi tujuan makanan ternakan iaitu soya, gandum, jagung dan makanan ternakan berasaskan haiwan diimport dari luar negara.

"Penangguhan fi permit bagi pengimportan komoditi tersebut dapat membantu mengurangkan kos logistik dalam usaha menstabilkan harga makanan ternakan dalam negara," katanya.

Jamin MAFI, kementerian itu melalui Maqis akan terus memudah cara urusan pengimportan bahan makanan ke dalam negara di samping memastikan semua kemasukan adalah bebas daripada isu-isu biosekuriti.

"Sekiranya terdapat sebarang kemusykilan mengenai tatacara pengimportan atau pengeksportan komoditi pertanian dan agromakanan, boleh dikemukakan melalui e-mel kepada *feedback@maqis.gov.my*," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 22/6/2022 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 5 |

# 'Jangan seronok harga ayam diapung'

Oleh JAMLIAH ABDULLAH
utusannews@mediamulia.com.my

**ALOR SETAR:** Kerajaan memberi amaran kepada pemain industri ayam supaya tidak menjadikan harga yang diapungkan bermula 1 Julai ini sebagai 'pesta harga' sehingga membebankan rakyat.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee berkata, walaupun kenaikan harga ayam melebihi harga kawalan ketika ini tidak dapat dielakkan, namun kerajaan akan memastikan ia ditetapkan pada harga munasabah.

"Harga pasaran ayam jika diapungkan daripada harga kawalan RM8.90 sekilogram bermula 1 Julai nanti pasti akan tinggi daripada RM8.90 sama ada RM10, RM11 atau lebih yang akan ditentukan harga pasaran.

"Tentu sekali kerajaan akan memantau agar tidak ada elemen keuntungan melampau dari mana-mana pihak dalam industri. Kita tahu berapa harga ayam di ladang sekilogram kerana kos input semua boleh dikira," katanya di sini semalam.

Akhbar melaporkan, Persekutuan Persatuan-persatuan Penternak Malaysia (FLFAM) menjangkakan ayam akan mencecah lebih RM10 sekilogram selepas berakhirnya skim harga kawalan maksimum dan pemberian subsidi kepada penternak pada 30 Jun ini.

Tambah Ronald, kerajaan juga akan segera menyalurkan bantuan subsidi kepada rakyat daripada kumpulan B40 bagi meringankan beban mereka menjelang bulan depan.

"Kerajaan tidak akan biarkan rakyat untuk membeli ayam pada harga tinggi, untuk itu subsidi kelak akan disalurkan kepada kumpulan B40 yang sudah diumumkan Perdana Menteri dua minggu lepas.

"Kementerian Kewangan dalam proses untuk tentukan jumlah subsidi ini dan bila akan diberikan akan ditentukan oleh kementerian itu. Tetapi saya yakin kita akan salurkan bantuan itu sebelum 1 Julai," katanya.

Mengulas tentang bekalan ayam, kata beliau, pemain industri berkenaan memberi jaminan akan mengembalikan ia pada kapasiti penuh iaitu dua juta ayam sehari sebagai langkah menstabilkan bekalan komoditi itu.

"Pihak industri ketika ini dalam proses untuk mengembalikan kapasiti pengeluaran mereka ke tahap yang maksimum untuk memastikan negara kita tidak berhadapan masalah bekalan," katanya.




**RONALD Kiandee (tiga dari kanan) meninjau pusat jualan ayam milik Bismi Empire Sdn. Bhd. setelah bertemu dengan para penternak di Simpang Empat Kangkong, Alor Setar, semalam.**

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 22/6/2022 | KOSMO | NEGARA | 4 |

# Kerajaan pantau pemain industri ayam kaut untung melampau

Oleh JAMLIAH ABDULLAH

**ALOR SETAR** – Kerajaan memberi amaran kepada pemain industri ayam supaya tidak sewenang-wenangnya menjual bahan bahan mentah itu pada harga terlalu tinggi sehingga membebankan pengguna selepas berakhir skim harga maksimum ayam pada 30 Jun ini.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee berkata, MAFI akan memastikan harga jualan ayam adalah munasabah dan tidak mempunyai elemen keuntungan melampau.

"Harga ayam apabila diapungkan nanti pasti akan melebihi harga kawalan RM8.90 sekilogram dan mungkin akan mencecah sama ada RM10, RM11 atau lebih yang mana harga akan ditentukan mengikut pasaran.

"Kerajaan akan terus memantau agar tidak ada elemen keuntungan melampau daripada mana-mana pihak dalam industri. Kita tahu berapa harga ayam di ladang sekilogram dan semua kos termasuk kos input," katanya.




RONALD (dua dari kanan) meninjau pusat jualan Bismi Empire Sdn. Bhd. setelah mengadakan sesi pertemuan dengan penternak di Alor Setar semalam.

Beliau ditemui pada sidang akhbar setelah mengadakan pertemuan dengan syarikat penternakan dan pengeluaran, Bismi Empire Sdn. Bhd. di kilang memproses ayam di Simpang Empat Kangkong, di sini semalam.

Akhbar melaporkan Persekutuan Persatuan-persatuan Penternak Malaysia (FLFAM) menjangkakan harga ayam akan mencecah lebih RM10 sekilogram selepas berakhirnya skim harga kawalan maksimum dan pemberian subsidi kepada penternak pada 30 Jun ini.

Ujarnya, kerajaan juga akan segera menyalurkan bantuan subsidi kepada kumpulan rakyat B40 bagi meringankan beban mereka menjelang bulan depan.

"Kerajaan tidak akan buat rakyat beli ayam pada harga tinggi dan untuk itu, subsidi akan disalurkan kepada kumpulan B40 seperti diumumkan Perdana Menteri dua minggu lalu.

"Kementerian Kewangan dalam proses untuk tentukan jumlah subsidi yang akan diberi kepada B40 dan bila akan diberikan akan ditentukan oleh kementerian itu. Tetapi saya yakin kita akan salurkan bantuan itu sebelum 1 Julai," katanya.

Mengulas tentang bekalan ayam, kata beliau, pemain industri berkenaan memberi jaminan akan mengembalikan ia pada kapasiti penuh iaitu dua juta ayam sehari sebagai langkah menstabilkan bekalan komoditi itu.

"Bekalan ayam kembali stabil apabila MAFI turun padang melihat masalah penternak dan mereka mengambil langkah mengembalikan pengeluaran pada tahap maksimum," katanya.

Berhubung bekalan bahan komoditi termasuk daging lembu menjelang Aidiladha, katanya, kerajaan menjamin stoknya mencukupi.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 22/6/2022 | BERITA HARIAN | MUKA DEPAN | 1 |

Wadah Pembaharuan
BH
BeritaHarian
Diterbit sejak 1957 www.bharian.com.my

RM8.90 harga siling ayam segar sehingga 30 Jun

Subsidi harga ayam akan dimansuhkan mulai 1 Julai

# Bersedia harga ayam naik

Nasional 3





“Harga ayam selepas ini akan ditentukan pasaran dan dijangka melebihi RM8.90 sekilogram berikutan kerajaan turut menarik subsidi RM1.40 yang diberikan kepada penternak sebelum ini”

*Datuk Seri Dr Ronald Kiandee,*
*Menteri Pertanian dan Industri Makanan*



“Harga ayam segar diramal melonjak melebihi RM12 sekilogran apabila skim harga maksimum runcit bahan mentah itu tamat akhir bulan ini”

*Lau Ka Leng,*
*Setiausaha Persatuan Penternak Unggas Negeri Johor*



“Persatuan mewakili penternak menyatakan, harga ayam akan lebih sedikit daripada RM10 tetapi tidak akan sampai sehingga RM12.90 sekilogram. Kalau ia naik mendadak, kami akan guna Akta Anti Pencatutan”

*Datuk Seri Alexander Nanta Linggi,*
*Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna*

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 22/6/2022 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 3 |

# Subsidi minyak masak botol dimansuh mulai Julai

## Langkah pastikan bekalan, harga lebih stabil di pasaran

Oleh Noor Atiqah Sulaiman
bhnews@bh.com.my

**Putrajaya:** Subsidi minyak masak tulen dalam botol berkapasiti dua hingga lima kilogram, akan dimansuhkan bermula 1 Julai ini.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Datuk Seri Alexander Nanta Linggi, berkata tindakan itu diambil bagi memastikan bekalan bahan makanan dalam pasaran akan lebih stabil dalam jangka masa panjang dan seterusnya menstabilkan harga barangan.

Beliau berkata, bagaimanapun subsidi bagi minyak masak paket satu kilogram masih diteruskan. Susulan subsidi kerajaan, harga minyak masak paket satu kilogram dijual pada harga RM2.50.

"Sebenarnya program subsidi minyak masak tulen untuk botol ini hanyalah sementara, ketika pelaksanaannya pada 2021 itu, kita buat untuk tempoh tiga bulan sahaja iaitu Ogos, September dan Oktober.

"Bagaimanapun, ketika itu kerajaan berpendapat kita patut lanjutkan dan disebabkan itu ia dilaksanakan sehingga kini. Kini kerajaan berasakan tibalah masa untuk dimansuhkan supaya boleh memberi fokus bagaimana untuk membantu golongan yang memerlukan.

"Kerajaan boleh memberikan bantuan yang lebih bersasar, bagaimanapun segala bentuk bantuan ini akan diperincikan oleh Kementerian Kewangan," katanya dalam sidang media selepas menghadiri sesi dialog bersama pihak industri mengenai isu harga dan bekalan di kementeriannya, semalam.

Mengulas lanjut mengenai dialog itu, Alexander berkata, ia dianjurkan bagi memberi penerangan kepada peserta industri dan persatuan pengguna terhadap situasi inflasi yang berlaku di negara ini.

Melalui sesi dialog berkenaan, ada pandangan dan cadangan yang diberikan peserta, antaranya untuk memperkasakan kesedaran pengguna dan mengubah cara hidup dalam menghadapi kenaikan harga.

Beliau berkata, turut diajukan ialah mengenai isu kekurangan pekerja dalam sektor perdagangan pengedaran yang semakin kritikal dan meningkatkan kos operasi.

### Awasi kenaikan harga mendadak

**Putrajaya:** Kerajaan akan mengambil tindakan mengikut Akta Anti Pencatutan, jika berlaku kenaikan mendadak susulan tamatnya penentuan harga siling ayam dan telur mulai 1 Julai ini.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi, berkata wakil industri memaklumkan, harga ayam akan melepasi RM10, tetapi tidak melebihi RM12.90 sekilogram.

Beliau berkata, pihaknya sudah meminta pengeluar tidak meningkatkan terlalu tinggi hingga membebankan pengguna apabila dimaklumkan harga ayam dan telur akan mengalami kenaikan bulan depan.

"Saya tidak akan sahkan berapa harganya bila kita apung, terpulang kepada kuasa pasaran," katanya.

# Operasi penternak ayam tahap maksimum

**Alor Setar:** Industri penternakan ayam kini dalam proses meningkatkan keupayaan pengeluarannya ke tahap maksimum untuk mengatasi isu bekalan makanan asas itu di pasaran tempatan.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee, berkata pengeluaran ayam negara pernah mencapai tahap 106 peratus sebelum ini, sehingga membolehkan ayam dieksport.

Beliau berkata, pengeluaran maksimum diperlukan bagi memastikan kadar penggunaan (keperluan domestik), iaitu antara 1.8 hingga dua juta ekor sehari dapat distabilkan sebelum harga ayam diapungkan mengikut pasaran bermula 1 Julai.

"Harga ayam selepas ini bakal ditentukan pasaran dan ia dijangka melebihi RM8.90 sekilogram (harga siling ditetapkan kerajaan Februari lalu) berikutan keputusan kerajaan menarik balik subsidi RM1.40 yang diberikan kepada penternak sebelum ini.

"Jika keseluruhan ladang dan kilang dapat beroperasi secara maksimum, kita jangka boleh melangkau keperluan dua juta ekor ayam sehari kerana sejak sekian lama (sebelum ini) penternak mampu bekalkan keperluan tempatan sehingga ayam turut dieksport.



*Ronald (dua dari kanan) melihat ayam yang dijual ketika mengadakan lawatan kerja ke pejabat Ayam Bismi Empire di Simpang Empat, Alor Setar, semalam.* (Foto Luqman Hakim Zubir/BH)

"Ketika ini, kita perhatikan bekalan ayam sudah kembali stabil sebelum memutuskan larangan eksport ditarik balik kerana larangan itu adalah bersifat sementara bagi menstabilkan bekalan dalam negara dahulu," katanya kepada pemberita pada sidang media selepas melawat kilang pengeluaran Bismi Empire di sini, semalam.

Ronald berkata, kerajaan juga dalam proses mempercepatkan bayaran subsidi berjumlah RM200 juta yang akan diserahkan kepada penternak ayam sebelum 1 Julai ini, selain memproses permohonan baharu dikemukakan.

Kerajaan sebelum ini, mengumumkan pemberian subsidi ayam berjumlah RM729.43 juta kepada penternak yang mengemukakan permohonan untuk menstabilkan harga pasaran ayam, namun hanya RM200 juta dituntut setakat Khamis lalu (19 Jun).

Mengulas lanjut, beliau berkata, pihaknya akan sentiasa memantau rantaian bekalan ayam bagi memastikan tidak berlaku elemen manipulasi pada harga ayam sehingga membebankan pengguna selepas harganya diapungkan.

"Kerajaan akan pantau harga ayam bagi memastikan tiada elemen meraih keuntungan berlebihan berlaku, kita tahu harga ayam di ladang dan kos input makanan sehingga kepada peringkat pemborong dan peruncit selepas ini.

"Bagi meringankan beban pengguna terutama golongan B40, subsidi akan diberikan kepada mereka dan Kementerian Kewangan akan tentukan bagaimana subsidi itu dapat disampaikan segera," katanya.

# Harga ayam dijangka melonjak lebih RM12 sekilogram

**Johor Bahru:** Harga ayam segar diramal melonjak melebihi harga RM12 apabila skim harga maksimum runcit bahan mentah itu tamat akhir bulan ini.

Setiausaha Persatuan Penternak Unggas (Kecil dan Sederhana) Negeri Johor, Lau Ka Leng, berkata kenaikan harga ayam itu adalah tindak balas normal dalam pasaran terbuka apabila harga siling bahan mentah itu ditarik balik bermula 1 Julai ini.

Namun, katanya, kenaikan itu dijangka bersifat sementara sehinggalah pengeluaran bekalan ayam berjaya distabilkan dan pulih sepenuhnya.

"Ya kita jangkakan harga ayam segar akan melonjak naik 1 Julai ini mengikut pasaran terbuka. Apatah lagi dengan rantaian pengeluaran ayam masih lagi belum pulih sepenuhnya berikutan kekurangan tenaga kerja kritikal di ladang ayam selain kos operasi yang melonjak berikutan harga dedak yang terus melonjak naik.

"Ketika ini bekalan ayam hanya dapat ditambah 10 peratus dan kita berharap ia dapat distabilkan menjelang akhir bulan depan.

"Faktor kenaikan harga ayam segar itu perlu dilihat bersama kos operasi pengeluar dan peniaga selain trend pembelian semasa.

"Jika permintaan ayam segar kekal tinggi dengan bekalan tidak dapat dipenuhi sudah pasti harganya melonjak, apatah lagi bulan depan akan ada lagi musim perayaan raya Haji," katanya kepada *BH*.

Ka Leng menjangkakan kekurangan bekalan ayam akan berterusan sehingga separuh kedua tahun ini.

Beliau yakin harga ayam segar dapat diturunkan apabila pengeluaran ayam dapat distabilkan pengeluar.

Sementara itu, peniaga ayam pula menjangkakan harga ayam segar mampu mencapai RM15 sekilogram (sekg) mulai bulan depan.

Peniaga ayam, Hafizul Mohamad, 40, berkata pembekal memaklumkan kos bahan mentah itu kini sedang diteliti semula selepas kerajaan tidak lagi memberikan subsidi kepada penternak mulai Julai.

"Ketika ini peniaga menjual ayam segar pada harga RM12 sekg kerana terbeban dengan kenaikan kos pengangkutan, walaupun harga siling RM8.90 sekilogram masih dikuatkuasakan.

"Jika ikut makluman awal pembekal dan trend kenaikan kos pengangkutan, apabila skim maksimum harga yang tamat akhir bulan ini, harga ayam segar dijangka mampu melonjak kepada RM15 sekg," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 22/6/2022 | NST | NEWS | 7 |

MINISTRY PROJECTION

# CHICKEN MAY COST RM11 PER KG BY JULY

## Once govt lifts ceiling price, market forces will decide retail price based on supply, demand

ADIE ZULKIFLI
AND MUKHSEIN MUKHTAR
**ALOR STAR**
news@nst.com.my

THE retail price for chicken may hit RM11 per kg by July 1 once the government lifts the RM8.90 per kg ceiling price imposed since February.

Agriculture and Food Industries Minister Datuk Seri Dr Ronald Kiandee said the projection was based on the removal of the RM1.40 subsidy paid to poultry breeders under the Keluarga Malaysia Maximum Price Control Scheme next month.

"We foresee that the retail price will definitely be higher than the RM8.90 ceiling price once it is determined by market forces beginning July 1.

"Either it will be over RM10 or RM11 per kg, and will be decided by market forces depending on supply and demand, as well as additional costs imposed by wholesalers and retailers.

"This is taking into account the current ceiling price of RM8.90 per kg and the government's move to discontinue the subsidy to poultry breeders," he said after visiting Syarikat Bismi Empire Sdn Bhd chicken processing plant in Simpang Empat here yesterday.

However, Ronald said the price hike would be mitigated by government subsidies to be channelled directly to the B40 group as announced by Prime Minister Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob early this month.

He said to date, the government had distributed nearly RM200 million in subsidy to poultry breeders since the scheme was introduced in February.

Ronald said the move to allow retail chicken price to be determined by market forces would help the recovery of chicken production to meet the demand in the domestic market.

"The supply is stabilising and poultry breeders have also given their assurance that there is sufficient supply for domestic demand of between 1.8 and 2 million birds daily.

"The government is looking into issues raised by poultry breeders, such as spiralling chicken feed prices, diseases and labour shortage."

Ronald said the government would review the current export ban of chicken in the next two to three weeks.

"Once all poultry breeders are back in full operation, we will be able to achieve full supply for domestic demand.

"We will monitor the supply and demand trends in the next two to three weeks and once domestic demand is fulfilled, we shall allow chicken exports to resume," he said.

According to Ronald, the Malaysian poultry industry had achieved self-sustainability at 116 per cent, thus allowing breeders to export six per cent of the birds to a neighbouring country prior to this.

The country's shortage of chicken supply occurred two months ago due to several factors, including labour issues and the ballooning cost of chicken following the rise in chicken feed prices.



*Agriculture and Food Industries Minister Datuk Seri Dr Ronald Kiandee (in black) visiting Syarikat Bismi Empire Sdn Bhd chicken processing plant in Simpang Empat, Alor Star, yesterday.* PIC BY LUQMAN HAKIM ZUBIR

NOT JUST FERTILISER COST

# Multiple factors behind vegetable price hikes in Sabah

**RANAU:** Rising vegetable prices in Sabah are due to many factors, such as supply and demand, shortage of workers, as well as unpredictable weather, and not solely due to the rising price of fertilisers.

Kundasang farmer and entrepreneur Sharizal Denci, 40, said the escalating vegetable prices in Sabah went beyond just the price of fertiliser.

Yesterday, Parti Warisan vice-president Datuk Junz Wong said the price of normal fertiliser had increased from RM98 per 50kg to RM180.

He had questioned how the prices of vegetables and fruits had not increased when the costs of planting had also gone up.

"It is multifactorial. The fluctuation of the price is affected by the supply and demand.

"The supply chain is big, from farmers to middlemen and retailers. This should be controlled.

"The same goes for the price of fertilisers, it is definitely going up when we buy imported items because our ringgit has weakened (against the US dollar)," Sharizal told the *New Straits Times*.

Sharizal, who has been farming at the Kundasang highlands since 2011, added that the shortage of foreign workers, who were mostly from Indonesia, had compounded the vegetable shortage.

The unpredictable weather was also contributing to the low crops productivity to supply the growing demand from households, retail, restaurants and exports.

When asked about feasible solutions, Sharizal said policymakers should consider encouraging industry players to venture into processing fertiliser, such as organic fertiliser.

"Organic fertiliser is as good as commercial fertiliser as it is more sustainable and environmentally friendly.

"However, we have to tend to our farms, and do not have time to make our own fertiliser. We need third parties or other players to get into the downstream of making it," he said.

As a farmer who applies all techniques such as conventional, hydroponics, fertigation and dutch bucket system for his crops, Sharizal said modern techniques would be cost effective in the long run.

By applying these techniques, farmers could minimise the costs of fertilisers, manpower shortage and mitigate the bad weather factor.

However, he cautioned that modern farming techniques would require incentives and guidelines from the government to assist small-scale farmers to start and sustain it.

"For example, having a greenhouse and other systems require capital, which some farmers in Kundasang cannot even afford.

"Not only that, to move into the modern farming system, the government has to ensure that basic infrastructure is addressed," he said, adding that there were farmers who still relied on generators for electricity and hill water for irrigation.


*Kundasang farmer and entrepreneur Sharizal Denci at one of his farms in Ranau yesterday.* PIC COURTESY OF SHARIZAL DENCI




AM

# Fi permit makanan ternakan ditangguhkan bermula hari ini

21/06/2022 12:31 PI

ADVERTISEMENT

UTRAJAYA, 21 Jun (Bernama) -- Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) mengumumkan penangguhan kutipan fi permit untuk emp omoditi makanan ternakan – jagung, soya, gandum dan makanan ternakan lain berasaskan haiwan dan tumbuhan -- bermula hari ini bagi memuda ara pengimportan komoditi tersebut.

adar fi import yang dikenakan sebelum ini bagi jagung, gandum dan soya adalah RM15 bagi setiap permohonan permit manakala bagi permit makana ernakan lain berasaskan haiwan dan tumbuhan adalah RM20 setiap permohonan.

IAFI dalam satu kenyataan hari ini berkata kos bahan mentah makanan ternakan yang tinggi dalam industri ternakan telah dikenal pasti sebag ntara faktor kenaikan harga bahan makanan seperti ayam bulat di pasaran tempatan.




Sebahagian besar komoditi bahan mentah bagi tujuan makanan ternakan iaitu soya, gandum, jagung dan makanan ternakan berasaskan haiwan diimpo ari luar negara.

Penangguhan fi permit bagi pengimportan komoditi tersebut dapat membantu mengurangkan k ernakan dalam negara," kata MAFI.

IAFI berkata Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) juga akan m nasuk negara bagi komoditi tersebut dalam usaha melancarkan proses pengimportan dan seka ktiviti pengimportan.








BERNAMA

*ernama menyediakan sumber terkini maklumat berita sahih dan komprehensif kepada umum dan agensi media. Berita kami dipaparkan di laman we* *·ww.bernama.com ; siaran BERNAMA TV: Saluran Astro 502, Saluran unifi TV 631, Saluran MYTV 121 IFLIX; dan siaran Bernama Radio di frekuensi FM93.* *agi Lembah Klang, Johor (FM107.5), Kota Kinabalu (FM107.9) and Kuching (FM100.9).*

*:uti kami di media sosial :*
*acebook :* @bernamaofficial, @bernamatv, @bernamaradio
*witter :* @bernama.com, @BernamaTV, @bernamaradio
*ıstagram :* @bernamaofficial, @bernamatvofficial, @bernamaradioofficial
*ikTok :* @bernamaofficial

---

---

ADVERTISEMENT




3erita Berkaitan

MAFI akan bawa cadangan kembali subsidi minyak nelayan C2 ke peringkat kerajaan

Isu kekurangan bekalan lembu untuk Aidiladha selesa sebelum Julai, tempoh kuarantin disingkatkan

.agi Berita

ERNAMA

ertubuhan Berita Nasional Malaysia
/isma BERNAMA
o.28 Jalan BERNAMA
ff Jalan Tun Razak
0400 Kuala Lumpur
lalaysia

+603-2693 9933 (Talian Am)
helpdesk[at]bernama.com






© 2022 BERNAMA • Penafian • Dasar Privasi • Dasar K

# 農部：穩定飼料價格
# 停徵進口費降成本

（八打灵再也21日讯）农业及食物工业部指出，为了落实政府确保国内粮食安全的决定，通过马来西亚检疫及检验局（MAQIS）简化四类饲料原料的进口程序，包括暂停征收进口费（Fi import）以及在入境点实施加速入境流程。

农业部今日发文告指出，从今天起暂停征收玉米、小麦、大豆及其他禽畜的动植物基饲料的进口费。

其中，玉米、小麦及大豆的进口费为每申请一次进口许可证（permit）征收15令吉，其他禽畜的动植物基饲料则征收20令吉。

“MAQIS也会在我国的商品入境点实施加速入境流程，以简化进口程序，同时降低进口活动所涉及的物流成本。”

农业部指出，畜牧业饲料原料成本高涨，是导致我国市场全鸡等食品价格上涨的因素，而大部分禽畜饲料的原料，即大豆、小麦、玉米及动物基饲料，都是从国外进口的。

“暂停进口许可证收费将有助于降低物流成本，以稳定国内的饲料价格。”

农业部将通过MAQIS，在确保食材的入境免于生物安全问题的同时，继续致力于简化食材的进口程序。

“若对进口或出口农业及农机食品商品的程序有任何疑问可发电邮至feedback@maqis.gov.my询问。”

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 22/6/2022 | ASTRO AWANI | ONLINE | |

# Fi permit makanan ternakan ditangguhkan bermula hari ini



*Penangguhan fi permit bagi pengimportan komoditi tersebut dapat membantu mengurangkan kos logistik dalam usaha menstabilkan harga makanan ternakan dalam negara. - Gambar hiasan*

**PUTRAJAYA:** Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) mengumumkan penangguhan kutipan fi permit untuk empat komoditi makanan ternakan -- jagung, soya, gandum dan makanan ternakan lain berasaskan haiwan dan tumbuhan -- bermula hari ini bagi memudah cara pengimportan komoditi tersebut.

Kadar fi import yang dikenakan sebelum ini bagi jagung, gandum dan soya adalah RM15 bagi setiap permohonan permit manakala bagi permit makanan ternakan lain berasaskan haiwan dan tumbuhan adalah RM20 setiap permohonan.

MAFI dalam satu kenyataan hari ini berkata kos bahan mentah makanan ternakan yang tinggi dalam industri ternakan telah dikenal pasti sebagai antara faktor kenaikan harga bahan makanan seperti ayam bulat di pasaran tempatan.

"Sebahagian besar komoditi bahan mentah bagi tujuan makanan ternakan iaitu soya, gandum, jagung dan makanan ternakan berasaskan haiwan diimport dari luar negara.

"Penangguhan fi permit bagi pengimportan komoditi tersebut dapat membantu mengurangkan kos logistik dalam usaha menstabilkan harga makanan ternakan dalam negara," kata MAFI.

MAFI berkata Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) juga akan melaksanakan proses kemasukan pantas di pintu-pintu masuk negara bagi komoditi tersebut dalam usaha melancarkan proses pengimportan dan sekali gus mengurangkan kos logistik yang terlibat dalam aktiviti pengimportan.

-- BERNAMA

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 22/6/2022 | UTUSAN BORNEO | ONLINE | |

# Fi permit makanan ternakan ditangguhkan bermula hari ini



PUTRAJAYA: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) mengumumkan penangguhan kutipan fi permit untuk empat komoditi makanan ternakan — jagung, soya, gandum dan makanan ternakan lain berasaskan haiwan dan tumbuhan — bermula hari ini bagi memudah cara pengimportan komoditi tersebut.

Kadar fi import yang dikenakan sebelum ini bagi jagung, gandum dan soya adalah RM15 bagi setiap permohonan permit manakala bagi permit makanan ternakan lain berasaskan haiwan dan tumbuhan adalah RM20 setiap permohonan.

MAFI dalam satu kenyataan hari ini berkata kos bahan mentah makanan ternakan yang tinggi dalam industri ternakan telah dikenal pasti sebagai antara faktor kenaikan harga bahan makanan seperti ayam bulat di pasaran tempatan.

"Sebahagian besar komoditi bahan mentah bagi tujuan makanan ternakan iaitu soya, gandum, jagung dan makanan ternakan berasaskan haiwan diimport dari luar negara.

"Penangguhan fi permit bagi pengimportan komoditi tersebut dapat membantu mengurangkan kos logistik dalam usaha menstabilkan harga makanan ternakan dalam negara," kata MAFI.

MAFI berkata Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) juga akan melaksanakan proses kemasukan pantas di pintu-pintu masuk negara bagi komoditi tersebut dalam usaha melancarkan proses pengimportan dan sekali gus mengurangkan kos logistik yang terlibat dalam aktiviti pengimportan. - BERNAMA

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 22/6/2022 | KOSMO | NEGARA | 5 |

Peniaga runcit tertekan dengan bekalan, harga daripada pembekal

# 'Bukan suka-suka jual ayam mahal'

Oleh NOOR HASLIZA NUSI

**GEORGE TOWN** – Peruncit atau penjual ayam di negeri ini mendakwa yang mereka bukan suka-suka mahu menetapkan harga cekik darah bagi sekilogram ayam standard sehingga RM15 sekilogram bulan depan.

Sebaliknya, rata-rata mereka mengatakan desas-desus mengenai penetapan harga baharu itu sudah kedengaran dan dijangka berlaku, namun tertakluk pada peringkat pengilang serta pembekal.

Ini berikutan harga apungan ayam ekoran berakhirnya skim harga maksimum runcit ayam pada 30 Jun ini.

Ketika ini, harga kawalan ayam standard yang ditetapkan kerajaan di peringkat pemborong adalah RM7.60 sekilogram, manakala harga runcit kekal RM8.90 sekilogram.

Peniaga ayam di pasar awam daerah Timur Laut, Mohamad Nasir Abdul Kalam, 31, berkata, dia menjangkakan hanya berlaku kenaikan antara RM11 hingga RM12 sekilogram di peringkat peruncit mulai 1 Julai nanti.

Katanya, keresahan mengenai perkara itu bukan sahaja dirasai pengguna malah peniaga turut berdepan kebimbangan memikirkan masalah tersebut.

"Mana mungkin peniaga menaikkan harga ayam RM15 sekilogram sedangkan ketika ini hendak jual RM10 sekilogram pun ramai yang bising.

"Kami kini risau dengan pihak pengilang atau pemborong sahaja. Kenaikan harga kebiasaannya akan mula di peringkat kilang yang juga pembekal. Sekiranya mereka naik, kami juga kena naik. Tetapi tidaklah sampai terlampau dan mendadak," katanya kepada *Kosmo!* di sini semalam.

Sementara itu, seorang lagi peniaga yang mahu dikenali sebagai Nasrul, 45, pula memberitahu, memang ada desas-desus mengenai kenaikan harga runcit ayam dijangka sehingga RM15 sekilogram susulan penamatan subsidi penternak ayam bermula 1 Julai ini.

"Penternak dan pengilang janganlah terlalu ambil kesempatan dengan ruang yang ada. Kami di peringkat peniaga dan pengguna nanti yang akan terkesan dengan kenaikan ini. Agak-agaklah jangan sampai RM15 sekilogram.

"Saya jangkakan, kenaikan hanya berlaku bawah RM14 sekilogram. Kerajaan perlu pantau dan jangan lepas tangan tentang isu harga ayam. Kami tidak mahu situasi menang-menang yang akhirnya membawa padah kepada peniaga kecil," ujarnya.

Terdahulu, tinjauan *Kosmo!* di pasar awam di daerah Barat Daya di sini semalam mendapati sebahagian peniaga mula menaikkan harga ayam standard kepada RM10 sekilogram termasuk ada yang mengenakan caj perkhidmatan sehingga RM2.20 sebelum penamatan skim harga maksimum runcit ayam pada penghujung bulan ini.




PENIAGA kini resah memikirkan jangkaan kenaikan RM15 sekilogram bagi ayam standard. – IQBAL HAMDAN

> "Penternak dan pengilang janganlah terlalu ambil kesempatan dengan ruang yang ada. Kami di peringkat peniaga dan pengguna nanti yang akan terkesan dengan kenaikan ini. Agak-agaklah jangan sampai RM15 sekilogram."


Jangan berlebihan naikkan harga ayam

KERATAN *Kosmo!* 20 Jun 2022.

# Kutipan fi permit makanan ternakan ditangguhkan

**PUTRAJAYA** – Kerajaan mengumumkan penangguhan kutipan fi permit ke atas empat komoditi makanan ternakan terdiri daripada jagung, soya, gandum dan komoditi proses berasaskan haiwan dan tumbuhan bagi tujuan penyediaan makanan ternakan bermula semalam.

Kementerian Pertanian dan Industri Makanan dalam kenyataan berkata, pelaksanaan itu sebagai langkah keputusan kerajaan bagi memastikan sekuriti makanan dalam negara terjamin dengan memudah cara prosedur import ke atas empat komoditi makanan ternakan berkenaan.

Menurutnya, kutipan fi permit yang dikenakan sebelum ini ke atas komoditi jagung iaitu RM15 bagi setiap permohonan permit, gandum (RM15), soya (RM15) serta makanan ternakan lain berasaskan tumbuhan dan haiwan iaitu RM20 akan ditangguhkan.

"Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) juga akan melaksanakan proses kemasukan pantas di pintu-pintu masuk negara bagi komoditi tersebut dalam usaha melancarkan proses pengimportan dan sekali gus mengurangkan kos logistik yang terlibat.

"Kos bahan mentah makanan ternakan yang tinggi dalam industri ternakan telah dikenal pasti sebagai salah satu faktor kenaikan harga bahan makanan seperti ayam bulat di pasaran tempatan," katanya.




KERAJAAN menangguhkan kutipan fi permit ke atas jagung, soya, gandum dan komoditi proses berasaskan haiwan dan tumbuhan bagi tujuan penyediaan makanan haiwan ternakan.




| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 22/6/2022 | HARIAN METRO | LOKAL | 16 |

Rafidah Mat Ruzki
am@hmetro.com.my

# Tangguh Kutipan Fi Permit

***Babitkan jagung, soya, gandum selain komoditi proses berasas haiwan, tumbuhan***

**Putrajaya**

Empat komoditi makanan ternakan kini mendapat Penangguhan Kutipan Fi Permit melalui pemudah cara prosedur import dilaksanakan Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis).

Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (Mafi) dalam kenyataannya semalam berkata, penangguhan bermula kelmarin membabitkan jagung, soya, gandum dan komoditi proses berasaskan haiwan dan tumbuhan bagi tujuan penyediaan makanan ternakan.

Kenyataan itu menyebut, ia adalah langkah melaksanakan keputusan Kerajaan bagi memastikan sekuriti makanan dalam negara terjamin.

Ia membabitkan kadar di RM15 bagi setiap permohonan permit untuk membawa masuk jagung, soya dan gandum manakala bagi makanan ternakan lain berasaskan haiwan dan tumbuhan kadar yang dikenakan sebelum ini adalah RM20 bagi setiap permohonan permit.

"Maqis juga akan melaksanakan proses kemasukan pantas di pintu-pintu masuk negara bagi komoditi itu dalam usaha melancarkan proses pengimportan, sekaligus mengurangkan kos logistik yang terbabit dalam aktiviti pengimportan.

"Kos bahan mentah makanan ternakan yang tinggi dalam industri ternakan dikenal pasti sebagai antara faktor kenaikan harga bahan makanan seperti ayam bulat di pasaran tempatan.

"Sebahagian besar komoditi bahan mentah bagi tujuan makanan ternakan iaitu soya, gandum, jagung dan makanan ternakan berasaskan haiwan diimport dari luar negara," katanya.

Justeru, Mafi berkata, penangguhan fi permit bagi pengimportan komoditi dapat membantu mengurangkan kos logistik dalam usaha menstabilkan harga makanan ternakan dalam negara.

Pada masa sama, kementerian itu melalui Maqis menyatakan komitmennya untuk memudah cara urusan pengimportan bahan makanan ke dalam negara selain memastikan semua kemasukan adalah bebas daripada isu biosekuriti.

Media sebelum ini melaporkan Kabinet bersetuju dengan tujuh langkah proaktif jangka pendek bagi menangani isu bekalan dan harga makanan termasuk menyegerakan proses pembayaran pendahuluan tuntutan subsidi harga ayam berjumlah RM157.53 juta kepada penternak kecil dan sederhana.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee, dilaporkan berkata langkah seterusnya adalah memudah cara prosedur import (IP) Maqis terhadap empat komoditi iaitu soya, gandum, jagung dan makanan ternakan berasaskan haiwan dan tumbuhan.



PENYU karah dilepaskan ke laut di pantai Padang Kemunting, dekat Masjid Tanah. - Gambar NSTP/HASSAN OMAR

# 500 penyu karah mendarat, bertelur di pantai Melaka

**Melaka:** Bakal menyaingi Terengganu apabila purata antara 400 hingga 500 penyu karah direkodkan mendarat dan bertelur di pantai Melaka sepanjang tahun lalu.

Malah kelibat penyu karah semakin kerap dilihat bertelur di Pantai Padang Kemunting, Masjid Tanah di sini, membabitkan 100 pendaratan haiwan dilindungi itu sepanjang 2021.

Susulan itu World Wildlife Fund-Malaysia (WWF-Malaysia) merayu kerajaan negeri segera mewartakan pantai Padang Kemunting sebagai pantai santuari penyu bagi membantu mengekalkan penyu karah.

Pengurus Konservasi Penyu Semenanjung WWF-Malaysia, Lau Min Min berkata, langkah berkenaan penting bagi mengelakkan penyu yang sering naik ke pantai berkenaan untuk bertelur pupus akibat kegiatan mengambil telur penyu oleh pihak tidak bertanggungjawab.

Selain itu, ia juga bertujuan memastikan penyu karah tetap memilih pantai berkenaan sebagai lokasi untuk bertelur, katanya.

Dia berkata, dengan pewartaan itu pelancong hanya dibenarkan berkelah di pantai berkenaan pada waktu siang dan tiada sesiapa dibenarkan berada di pantai itu pada waktu malam bagi memastikan penyu bebas naik dari laut untuk bertelur," katanya.

Selain itu, WWF-Malaysia juga merayu Majlis Perbandaran Alor Gajah (MPAG) bekerjasama dengan Tenaga Nasional Berhad (TNB) untuk menukar lampu jalan sedia ada kepada lampu jalan mesra penyu.

Katanya, lampu berkenaan membabitkan kos yang tinggi kerana perlu diimport berikutan ketiadaan syarikat tempatan yang mengeluarkannya.

"Lampu ini terpaksa diimport berikutan lampu konvensional sedia ada milik MPAG terlalu terang dan menakutkan penyu naik ke darat untuk bertelur," katanya.

Dia berkata, langkah itu juga sejajar usaha menjadikan Pantai Padang Kemunting sebagai Kampung Mesra Penyu kerana kawasan itu adalah satu daripada lokasi pendaratan utama penyu karah.



PETUGAS di PKPP Padang Kemunting menanam telur penyu di PKPP, Padang Kemunting dekat Masjid Tanah.

Katanya, purata antara 400 hingga 500 sarang penyu karah dicatatkan di negeri ini setahun dan Pusat Konservasi dan Penerangan Penyu (PKPP) di Padang Kemunting yang beroperasi sejak lebih 10 tahun lalu membantu mengekalkan penyu karah.

Dia berkata, Pantai Padang Kemunting menyumbang 25 hingga 30 peratus daripada keseluruhan pendaratan di negeri ini.

Kedua-dua cadangan itu bertujuan memastikan penyu karah tidak pupus berikutan amaran Senarai Merah oleh International Union for Conservation of Nature (IUCN) berpangkalan di Switzerland yang menyenaraikan penyu berkenaan sebagai haiwan marin yang bakal pupus jika tiada usaha memuliharanya.

Selain pantai Padang Kemunting, pantai lain di negeri ini yang mencatatkan jumlah sarang penyu karah tinggi ialah Kem Terendak di Sungai Udang dan Tanjung Dahan, Tanjung Serai serta Meriam Patah di Kuala Sungai Baru, dekat sini.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 22/6/2022 | KOSMO | NEGARA | 12 |

# Tertekan tidak bekerja punca tendang kucing

**SUNGAI PETANI** – Seorang lelaki direman selama tiga hari bermula semalam selepas bertindak ganas menendang dan membaling objek dipercayai batu ke arah dua ekor kucing di Taman Semeling Maju, Bedong dekat sini pada Sabtu lalu.

Perintah tahanan reman ke atas suspek yang berusia 27 tahun dan tidak bekerja itu dikeluarkan oleh Majistret Noor Fazlina Musa di Mahkamah Masjistret di sini semalam.

Permohonan reman ke atas suspek yang berasal dari Kampung Pengkalan Merbok, Bujang, Merbok dekat sini dibuat bagi membolehkan polis menjalankan siasatan lanjut di bawah Seksyen 428 Kanun Keseksaan.

Ia merupakan kesalahan khianat terhadap haiwan.

Suspek diberkas di rumahnya di Kampung Pengkalan Merbok, Bujang kira-kira pukul 1.29 tengah hari kelmarin.

Terdahulu, perbuatan suspek yang melakukan keganasan terhadap haiwan itu dirakamkan sistem televisyen litar tertutup (CCTV) yang mana video rakaman tersebut kemudiannya tular di media sosial.

Ketua Polis Daerah Kuala Muda, Asisten Komisioner Zaidy Che Hassan memberitahu, kejadian itu berlaku pukul 1.09 pagi, Sabtu lalu di kaki lima sebuah bangunan di Taman Semeling Maju.

Siasatan awal mendapati suspek tersebut dipercayai mengalami gangguan emosi kerana tidak bekerja.

"Temu bual dengan ahli keluarga suspek pula mendapati lelaki itu sebelum ini seorang pencinta kucing.

"Dia memelihara banyak haiwan tersebut di rumahnya," katanya.

Tambah Zaidy, susulan kejadian itu, Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Kedah bertindak menyelamatkan kucing-kucing tersebut dan dibawa ke jabatan untuk rawatan.

Kes tersebut disiasat mengikut Seksyen 428 Kanun Keseksaan dan Seksyen 29(1)(e) Akta Kebajikan Haiwan 2015 yang dibuka oleh JPV.



SUSPEK (kanan) dibawa untuk mendapatkan permohonan reman di Mahkamah Majistret Sungai Petani semalam.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 22/6/2022 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 33 |

# Serang dua kucing: Lelaki direman tiga hari

**SUNGAI PETANI:** Seorang lelaki direman tiga hari bermula semalam selepas bertindak ganas menendang dan membaling objek dipercayai batu ke arah dua ekor kucing dalam kejadian di kaki lima bangunan di Taman Semeling Maju, Bedong di sini, Sabtu lalu.

Perintah reman sehingga Khamis ini dikeluarkan Majistret Noor Fazlina Musa di Mahkamah Majistret Sungai Petani.

Suspek berusia 27 tahun yang berasal dari Kampung Pengkalan Bujang, Merbok di sini direman bagi membolehkan polis menjalankan siasatan mengikut Seksyen 428 Kanun Keseksaan.

Terdahulu, tular rakaman sistem televisyen litar tertutup (CCTV) berdurasi tiga minit yang memaparkan tindakan suspek melakukan keganasan terhadap dua ekor kucing jalanan.

Ketua Polis Daerah Kuala Muda, Asisten Komisioner Zaidy Che Hassan berkata, siasatan awal mendapati kejadian berlaku kira-kira pukul 1.09 pagi, Sabtu lalu yang mana suspek mendakwa mengalami gangguan emosi kerana tidak bekerja.

"Temu bual dengan ahli keluarga suspek pula memberitahu lelaki itu sebelum ini merupakan seorang pencinta kucing dan banyak memelihara haiwan tersebut di rumahnya," katanya dalam kenyataan di sini.

Menurut beliau, susulan kejadian itu, Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) negeri telah bertindak menyelamatkan kucing-kucing tersebut dan dibawa pulang untuk menerima rawatan.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 22/6/2022 | SINAR HARIAN | NASIONAL | 4 |

# Industri lain sudah bersedia

## Penggunaan teknologi tinggi bagi sektor utama negara berada di landasan tepat

**Oleh MUHAMMAD AMNAN HIBRAHIM**
**SHAH ALAM**

Sektor ekonomi utama dalam negara ketika ini berada di landasan yang betul apabila beralih kepada automasi dan penggunaan teknologi tinggi.

Malah, rata-rata pemain industri sektor tersebut, antaranya pembinaan dan pertanian sudah bersedia untuk proses peralihan guna tenaga manusia kepada teknologi terkini.

Ketua Pusat Pengajian Pembinaan dari Universiti Teknologi Mara (UiTM), Dr Julitta Yunus berkata, tahap penggunaan automasi bagi industri pembinaan di Malaysia khususnya di peringkat operasi pengeluaran bahan binaan sudah mencapai kemajuan cemerlang.

Beliau berkata, walaupun pelaksanaannya berdepan sedikit kesulitan di peringkat operasi tapak binaan, jalinan kerjasama antara pemain industri dan kerajaan mampu menangani isu tersebut, seterusnya meningkatkan penggunaan teknologi tinggi untuk tempoh 10 tahun.

"Penglibatan automasi dan robotik secara keseluruhan kini dianggarkan sekitar 20 hingga 30 peratus. Jika kerajaan dan pihak berkaitan terus konsisten menekankan penggunaan teknologi automasi dalam bidang ini, saya percaya penggunaannya boleh meningkat sehingga 50 peratus.

"Pada masa akan datang, pengaplikasian peralatan dan jentera berteknologi tinggi dalam bidang pembinaan bukan hanya melibatkan proses awalan seperti kerja ukur, kerja tanah dan substruktur, malah turut melibatkan proses akhiran pembinaan," katanya kepada *Sinar Harian* pada Selasa.


JULITTA


SIVA KUMAR

*Akhbar ini* melaporkan mengenai penggunaan mesin dan robot menggantikan tenaga kerja manusia, sekali gus menyelesaikan isu kekangan pekerja asing.

Ketika ini, kebanyakan restoran sudah memulakannya apabila menggunakan robot untuk menghantar makanan dan minuman di meja pelanggan.

Melihat kepada perkembangan itu, teknologi tinggi tidak mustahil akan diperluaskan kepada sektor-sektor lain.

Sementara itu, Julitta berkata, masalah kekurangan tenaga buruh asing ketika ini juga seharusnya dijadikan peluang untuk meningkatkan lagi penggunaan teknologi automasi.

Sementara itu, Ketua Jabatan Teknologi Pertanian dari Universiti Putra Malaysia (UPM), Profesor Madya Dr B Siva Kumar berkata, perkembangan teknologi terkedepan dalam sektor pertanian didapati mula bergerak pantas sejak 10 tahun lalu.

Menurutnya, sektor itu mempunyai potensi tinggi untuk penerapan teknologi walaupun kadar peratusan adaptasi terhadap inovasi masih lagi rendah iaitu sekitar lima peratus.

"Kebanyakan teknologi terkedepan ini misalnya *Internet of Things* (IoT), sensor dan kepintaran buatan (AI) memang sudah digunakan dalam pertanian. Cuma mungkin dari segi implementasi agak kurang sebab masih banyak lagi dalam peringkat penyelidikan," ujarnya.

Beliau berkata, penggunaan teknologi ketika ini lebih mudah untuk dilaksanakan bagi tanaman jangka pendek seperti buah-buahan dan padi.

Menurutnya, penggunaan teknologi tinggi khususnya bagi kerja menuai masih memerlukan kepada penyelesaian yang kompleks disebabkan faktor geografi dan saiz ladang.



**Laporan muka depan *Sinar Harian* pada Selasa.**

## Teknologi dron percepat, mudahkan tugas pesawah

**SHAH ALAM** - Penggunaan teknologi baharu seperti dron terbukti membantu dalam mempercepat dan memudahkan tugas pesawah padi di negara ini.

Pengerusi Pertubuhan Persaudaraan Pesawah Malaysia (Pesawah), Muhammad Fuad Yaacob berkata, menerusi teknologi itu, mereka tidak memerlukan pekerja yang ramai untuk menguruskan sawah padi.

"Untuk meracun serangga, tidak perlu lagi turun ke sawah. Cuma duduk di tepi sawah, dron yang akan melakukan kerja. Kalau dahulu, kita perlu turun ke bendang," katanya kepada *Sinar Harian* pada Selasa.

Muhammad Fuad bagaimanapun berpandangan, penggunaan teknologi dalam penanaman sawah padi tidak mengurangkan kos meracun, sebaliknya lebih kurang sama.

"Kosnya sama sahaja seperti dahulu. Contohnya, kos bagi upah semburan racun. Sebelum ini, kalau kita menggunakan mesin, satu relung berharga RM20. Kalau gunakan dron, juga RM20," jelasnya.

Tambah beliau, mereka yang menggunakan teknologi dron dalam penanaman sawah padi biasanya anak-anak muda.

"Anak-anak muda yang bersemangat tinggi dalam penggunaan teknologi ini. Mereka sanggup membuat pelaburan seperti membeli dron yang mahal ini untuk memudahkan kerja," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 22/6/2022 | KOSMO | NEGARA | 4 |

# Johor perkasa sektor makanan

**ISKANDAR PUTERI** – Johor bersedia untuk memperkasa semula sektor pertanian dan agro makanan tempatan pasca pandemik Covid-19 dengan sasaran pasaran bagi tahun 2027 setelah menerima peruntukan berjumlah RM34.56 juta daripada Kementerian Kewangan.

Peruntukan tersebut adalah bagi melaksanakan Program Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (Penjana) dan merancakkan sektor pertanian dan agro makanan Johor pada tahun 2021 hingga 2022.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar negeri, Datuk Zahari Sarip berkata, peruntukan itu merupakan tambahan kepada peruntukan kerajaan negeri sebanyak RM16.2 Juta bagi dan peruntukan tambahan RM20 juta bagi tahun 2022 untuk tujuan sama.

Menurut beliau, peruntukan Penjana berjumlah RM34.56 juta itu telah disalurkan kepada enam jabatan berbeza bagi pelaksanaan pelbagai projek sepanjang dua tahun berkenaan.

"Antara jabatan terlibat termasuklah Jabatan Perikanan Negeri Johor dengan peruntukan RM2 juta, Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Johor (RM5.5 juta).



**SEKTOR pertanian dan agromakanan akan diperkasakan kembali di negeri Johor.**

"Selain itu Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Johor (RM900,000), Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) Johor (RM500,000), Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (RM9 juta) dan Jabatan Pertanian Negeri Johor (RM16.6 juta) turut menerima peruntukan itu," jelasnya.

Sementara itu, antara projek yang telah dilaksanakan adalah Program Peningkatan Pengeluaran Hasil Pertanian, Program Peningkatan Hasil Padi Periuk Nasi Selatan, Program Pertanian Komuniti dan Program Pengeluaran Makanan Selamat.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 22/6/2022 | KOSMO | NEGARA | 14 |



SISA pertanian dikhuatiri mengalir ke Sungai Jernih hingga ke kawasan rekreasi semalam dekat Padang Besar.

# Khuatir sisa pertanian cemarkan Sungai Jernih

**PADANG BESAR** – Persatuan Rekreasi Bukit Jernih menggesa agensi berkaitan segera bertindak melencongkan sisa pertanian daripada terus ke Sungai Jernih di sini.

Tinjauan mendapati ada satu saliran dari sawah padi dialirkan terus ke sungai rekreasi itu pada jarak kurang 500 meter yang dikhuatiri mengandungi air baja dan racun pertanian.

Difahamkan, air sungai yang jernih itu akan bertukar menjadi keruh sekiranya sisa pertanian dialirkan ke sungai tersebut terutama ketika fasa pengeringan sawah.

Wakil persatuan tersebut, Mohd. Jelani Jonid berkata, terdapat beberapa saliran pertanian dari kawasan sawah dan perkampungan di hulu dialirkan terus ke dalam sungai tersebut.

"Sebelum ini ada wakil beberapa jabatan kerajaan datang meninjau kawasan ini dan kami dimaklumkan akan dibina saliran atau tali air baharu bagi mengalirkan sisa pertanian berkenaan.

"Saliran tersebut akan melencongkan sisa pertanian dikhuatiri bercampur air racun dan baja dari kawasan pertanian serta kawasan perkampungan di Kubang Tiga daripada mengalir terus ke kawasan rekreasi," katanya.

Bagaimanapun katanya, masih belum ada tindakan daripada pihak berkenaan dan perkara itu dikhuatiri akan menyebabkan kualiti air sungai merosot.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 22/6/2022 | KOSMO | NEGARA | 14 |

Mampu raih pendapatan lumayan sehingga RM120,000 semusim

# Pajak kebun setiap kali musim durian

Oleh MUHAMMAD ZIKRI

**PONTIAN** – Seorang penternak lembu mampu meraih pulangan lumayan RM120,000 semusim apabila menggunakan peluang dengan memajak beberapa kebun durian sekitar daerah ini.

Nordi Ahmad, 51, berkata, dua lokasi kebun durian yang dipajak iaitu 0.8 hektar di Parit Sulong, Batu Pahat dan 40 pokok di Ayer Baloi di sini.

Menurutnya, dia sudah hampir 30 tahun melakukan bisnes pajakan raja buah dan setiap musim dia mampu meraih ratusan ribu ringgit dengan memasarkan bekalan ke Kota Tinggi, Johor Bahru dan Lembah Klang.

"Setiap kali datang musim, memang saya akan pajak daripada beberapa pekebun kecil di sekitar daerah Pontian.

"Kadar pajakan bagi semusim bergantung kepada buah-buah durian yang ada, pada tahun lepas sebanyak RM12,000 bagi sebanyak 5,000 biji dan tahun ini RM18,000 antara 5,000 hingga 8,000 biji.

"Dua varieti durian yang dipasarkan ialah durian kahwin jenis Kasap Merah dan D88 dengan harga antara RM8 hingga RM15 sekilogram," katanya ketika ditemui di Kampung Parit Gantong, Sangalang di sini.



NORDI menunjukkan buah durian yang dipajak dengan mengeluarkan buah lebat menunggu masa untuk gugur di Parit Sulong, Batu Pahat.

Katanya, ketika musim Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada tahun lalu, disebabkan terdapat sekatan pergerakan, dia menyerahkan pemasaran buah-buah durian kepada Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Ayer Baloi sepenuhnya.

"Alhamdulillah dengan kebenaran merentas daerah dan negeri, saya turut memasarkan juga buah-buah durian sebahagiannya, manakala sebahagian lagi kepada PPK Ayer Baloi," ujarnya yang juga menternak sebanyak 70 ekor lembu.

Jelas Nordi, aktiviti memajak kebun durian telah dilakukan sebelum dia mendirikan rumah tangga sehingga telah berkahwin dengan sedikit keuntungan digunakan sebagai modal menternak lembu.

Ujar Nordi, bagi setiap kebun durian yang dipajaknya, pada tahun ini mempunyai buah durian anggaran 6,000 dan 8,000 biji yang mampu bertahan selama sebulan masa tuainya.

"Bagi setiap kali turun ke lapangan, saya bersama isteri akan membawa sebanyak 200 hingga 300 kilogram durian yang dijual kepada pembeli sehingga habis jualannya," tambah Nordi lagi.

Katanya, bagi mengelakkan pergantungan kepada kebun yang dipajak pada setiap tahun, dia turut menanam pokok durian yang kini baru berumur 3 tahun di kampungnya dengan durian kahwin dan kampung.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 22/6/2022 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 22 |

# Durian Perak berkurangan 50 peratus




*Norsiyenti (kiri) mengiringi Mohd Nizar (tengah) menyerahkan anak pokok kepada pesawah pada Kempen Amalan Kawalan Perosak Tanaman Bersepadu, semalam.* (Foto Noor Hidayah Tanzizi/BH)

## Perubahan cuaca, kekurangan pekerja, haiwan perosak jadi punca

Oleh Noor Hidayah Tanzizi
bhnews@bh.com.my

**Parit:** Hasil pengeluaran durian di Perak berkurangan 50 peratus tahun ini daripada pengeluaran tahun lalu.

Pengarah Jabatan Pertanian Perak, Norsiyenti Othman, berkata pengeluaran durian mencapai 36,223.9 tan metrik pada tahun lalu membabitkan keluasan 5,498.5 hektar di seluruh negeri ini.

Beliau berkata, faktor yang menyumbang kepada pengurangan trend pengeluaran hasil durian kerana perubahan cuaca, kekurangan pekerja ladang dan musuh perosak seperti kera.

"Januari hingga Mac sepatutnya cuaca panas tetapi tahun ini kerap hujan, berangin dan ribut menyebabkan bunga dan putik buah tidak lekat serta banyak gugur.

"Selain itu, Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) lalu, turut memberi kesan apabila pemilik dusun durian kekurangan pekerja menyebabkan kerja penyelenggaraan pokok terganggu, malah ada juga gangguan musuh perosak seperti kera," katanya ditemui pada Kempen Amalan Kawalan Perosak Tanaman Bersepadu, di sini semalam.

Yang turut hadir, Ahli Parlimen Parit, Datuk Mohd Nizar Zakaria yang merasmikan majlis dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Belanja, Khairudin Abu Hanipah.

Norsiyenti berkata, kekurangan pengeluaran hasil menyebabkan kenaikan harga jualan, namun setakat ini durian kampung yang terkenal di negeri ini masih dijual pada harga berpatutan.

"Pokok mengeluarkan hasil pada penghujung Mei hingga penghujung Ogos dengan hujung bulan ini adalah waktu puncak pengeluaran hasil.

"Apabila bekalan kurang akan berlaku sedikit kenaikan harga. Durian kampung di sini dijual pada harga antara RM6 hingga RM15 sekilogram," katanya.

Norsiyenti berkata, berdasarkan data, Perak adalah negeri keempat pengeluar durian tertinggi dalam negara.

Katanya, daerah tanaman tumpuan durian adalah Larut Matang dan Selama (LMS), Hulu Perak, Perak Tengah, Kuala Kangsar dan Manjung.

"LMS adalah daerah pengeluar utama negeri ini yang menyumbangkan 42 peratus pengeluaran keseluruhan," katanya.

Pada majlis berkenaan Jabatan Pertanian Perak menyerahkan baja, racun, cuka kayu, pokok tunera, rumah burung punggguk, kayu T dan benih kelapa MYD kepada 98 ahli kelompok 1,2,3 dan 3 1/2 di Parlimen Parit, di sini.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 22/6/2022 | HARIAN METRO | BISNES | 25 |



RADIANCE Agrotech akan membawa masuk 18,000 lembu baka Brazil sebagai permulaan pada tahun ini.

PKS

# Labur RM1.1b dalam 5 tahun

## *Radiance Agrotech bangun ekosistem segmen bekalan daging lembu untuk penuhi permintaan*

Sri Ayu Kartika Amri
kartika@hmetro.com.my

Rawang

Radiance Agrotech Sdn Bhd berada di landasan tepat untuk membangunkan ekosistem lengkap segmen bekalan daging lembu untuk memenuhi permintaan pasaran tempatan dengan memperuntukkan pelaburan berjumlah RM1.1 bilion bagi tempoh lima tahun.

Pengerusi Eksekutifnya, Dr Mohd Ezman Zamani berkata, berikutan kekurangan bekalan dan Malaysia terpaksa bergantung dengan 78 peratus daging lembu import, pihaknya optimis untuk menjadi antara pemain utama dalam memastikan bekalan daging lembu segar di negara ini mencukupi.

Beliau berkata, melalui pelaburan yang diterima daripada pelabur tempatan dan antarabangsa, Radiance Agrotech akan membina ladang ternakan berskala besar di Tanjung Malim dan Tapah, Perak.

Katanya, pihaknya akan membawa masuk 18,000 lembu baka Brazil sebagai permulaan pada tahun ini.

"Menerusi projek yang sudah bermula secara berperingkat ini, kami menjangkakan bukan saja membantu meningkatkan bekalan daging tempatan, malah dapat mengurangkan harga sehingga 10 ke 20 peratus, memandangkan semua proses dilaksanakan Radiance Agrotech.

"Kami melihat harga pasaran daging lembu segar mampu berkurang sehingga 20 peratus dalam tempoh tiga hingga lima tahun akan datang, berbanding sekarang.

"Kami juga akan mewujudkan ekosistem lengkap di mana tiada lagi campur tangan orang tengah dalam usaha untuk memberi harga berpatutan kepada orang ramai dan menjual daging segar secara terus melalui kedai Redi Meat yang akan kami wujudkan di seluruh negara," katanya kepada Bisnes Metro.

Menurutnya, ketika ini Radiance Agrotech sudah mempunyai ladang ternakan dan pusat penyembelihan di Bangi, Selangor dan Labis, Johor.

Mohd Ezman berkata, Radiance Agrotech Sdn Bhd adalah anak syarikat Radiance Assets iaitu syarikat pelaburan patuh syariah dengan mandat melabur dan membina penyelesaian inovatif yang mampan.

Beliau berkata, pengurusan Radiance Assets memiliki pendedahan meluas dalam pelbagai industri bermula dengan perniagaan tradisi seperti pertanian sehingga kepada penyelesaian teknologi canggih iaitu analisis data raya dan kecerdasan buatan (AI) serta pembangunan teknologi kewangan (*fintech*).

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 22/6/2022 | KOSMO | K2 | 19 |



Kosmo!

k2

*Menyelami Hidup Anda*

RABU 22.06.2022

# Serangan 3P krisis makanan

**MALAYSIA** sebagai negara pengimport bersih makanan menerima tempias yang hebat daripada serangan tiga penjuru (3P) iaitu pandemik, perubahan cuaca dan peperangan Rusia-Ukraine yang membuatkan krisis makanan global kian parah.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 22/6/2022 | KOSMO | K2 | 20 |




MASALAH kekurangan bekalan ayam di pasar-pasar yang hangat dilaporkan baru-baru ini meresahkan pengguna di negara ini. – GAMBAR HIASAN



Rencana Utama

Oleh **FARID AHMAD TARMIJI**

# Igauan krisis makanan kian nyata menjelang 2023

"HARGA barang terutama makanan sejak akhir-akhir ini boleh dikatakan semuanya naik," keluh Mohd. Syahmi Ismail, 33.

Dia yang bekerja dalam sektor swasta menyatakan, perbelanjaan hariannya juga bertambah berikutan kenaikan harga tersebut. Misalnya, harga makanan yang dibeli untuk makan tengah hari di tempat kerja telah meningkat antara RM1 hingga RM4.

"Kebanyakan peniaga makanan menyatakan mereka terpaksa menaikkan harga jualan kerana harga barang mentah semakin meningkat.

"Bukan harga ayam saja yang naik, malah harga ikan turut naik. Sebelum ini saya beli seekor ikan siakap pada harga sekitar RM17 sekilogram, tetapi kini meningkat sehingga RM23 untuk berat yang sama," ulasnya.

Tambah Mohd. Syahmi, dia sekeluarga terkesan dengan kenaikan harga tersebut dan terpaksa mengurangkan tabungan bulanan bagi menampung kenaikan harga tersebut.

Sebagai langkah penjimatan, dia yang yang tersenarai dalam golongan B40 juga kini bertindak membawa bekal dari rumah ke tempat kerja.

Sememangnya isu kekurangan bekalan dan kenaikan harga makanan hangat diperkatakan pada masa ini.

Pun begitu, kerajaan Malaysia menerusi Kementerian Pertanian dan Industri Makanan baru-baru ini menegaskan bahawa masalah itu belum lagi sampai ke tahap krisis makanan memandangkan bekalan dalam negara masih mencukupi, cuma diakui terdapat sedikit gangguan bekalan makanan.

Bagi mendalami isu ini, Felo Kanan Laboratori Kajian Dasar Pertanian dan Makanan, Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof. Dr. Fatimah Mohamed Arshad berpendapat, faktor kenaikan harga barangan itu perlu dilihat dari dua sudut iaitu dari luar negara dan dalam negara sendiri.

Menurutnya, faktor luar negara menyebabkan krisis makanan dunia kini bukan lagi satu igauan tetapi akan menjadi nyata menjelang 2023.

"Ini kerana, krisis ini diparahkan dengan tiga penjuru (3P) iaitu pandemik, perubahan cuaca dan peperangan.

"Pandemik masih memberi kesan ke atas rantaian bekalan. Ia berlanjutan kerana China masih melaksanakan *lockdown* yang menyebabkan khidmat perkapalan untuk import dan eksport tergendala sedangkan banyak negara berdagang dengan China," jelasnya.

Sementara itu, terang Fatimah, perubahan cuaca juga mengakibatkan krisis ini berlaku apabila cuaca kering dan suhu panas yang tinggi telah memaksa India yang merupakan pengeluar gandum kedua terbesar dunia mengharamkan eksport gandum. Begitu juga Amerika Syarikat dan Kanada yang turut mengalami penurunan pengeluaran gandum kerana cuaca.

Selain itu, katanya, peperangan antara Russia dan Ukraine juga mengundang kepada masalah ini.

"Sekatan ekonomi ke atas Russia juga menjejaskan bekalan petrol dan gas asli dunia, lantas meningkatkan harga komoditi dan bahan api.

"Ini menyebabkan harga baja dan kos pengangkutan kepada petani, pengusaha dan pengguna juga meningkat," katanya.



MALAYSIA masih bergantung kepada makanan import termasuk 90 peratus daging lembu dan kambing. – GAMBAR HIASAN



DR. FATIMAH

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 22/6/2022 | KOSMO | K2 | 21 |

Menurutnya, dari sudut faktor dalam negara pula menyaksikan Malaysia tidak mengeluarkan makanan yang mencukupi untuk membendung inflasi dan kejutan masalah bekalan makanan yang meruncing ini.

Jelasnya, Malaysia sebagai negara pengimport bersih makanan akan menerima tempias hebat kerana hal ini.

"Malaysia mengimport 90 peratus keperluan daging kambing dan lembu, 79 peratus sayur-sayuran, 37 peratus beras, 22 peratus buah-buahan dan 36 peratus susu pada tahun 2020.

"Bahan yang diimport ini merupakan makanan utama untuk rakyat," katanya.

Terangnya, kini harga makanan meningkat lebih tinggi daripada paras normal iaitu paras harga sebelum pandemik.Malah, peratus kenaikan harga itu boleh dilihat dan dihitung di *Dashboard MyPrice* yang disediakan oleh kerajaan.

Katanya lagi, masalah kenaikan harga ini akan terus meruncing jika perang Russia dan Ukraine masih berlanjutan, perubahan cuaca semakin buruk dan masalah rantaian bekalan dunia masih berterusan.

Dalam pada itu, Fatimah berkata, bagi mengatasi krisis tersebut langkah jangka pendek dan panjang perlu diambil.

Katanya, langkah jangka pendek yang boleh diambil adalah dengan membuka permit import (AP) yang mana ia boleh menggalakkan persaingan sihat.

"Langkah ini juga boleh membantu penyumberan makanan daripada pelbagai sumber dari pasaran antarabangsa. Kemasukan import makanan ini akan meningkatkan bekalan makanan tempatan sekali gus menurunkan harga," jelasnya.

Sementara itu, untuk langkah jangka panjang, Fatimah berkata, sudah tiba masanya Malaysia untuk fokus kepada 'Polisi Makanan Diutamakan'.

Menurutnya, polisi ini harus diutamakan kerana cabaran perubahan cuaca adalah fenomena jangka masa panjang yang tidak menentu.

"Selain itu, ia juga akan memberi jaminan sekuriti nutrisi untuk penduduk tempatan di samping dapat mengurangkan aliran keluar mata wang asing iaitu dengan melaksanakan polisi penggantian import.

"Hal ini juga dapat memperkasa biodiversiti tempatan dan mempelbagaikan jenis beras, sayur-sayuran dan buah-buahan di samping mendinamikkan sektor perkebunan dan penternakan tempatan," katanya.

Dalam pada itu, Timbalan Presiden Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA), Mohd. Yusof Abdul Rahman berkata, kenaikan harga barang mentah, kelemahan pertukaran mata wang, peperangan dan sekatan eksport menjadi penyebab utama kepada masalah ini.

"Faktor-faktor ini berlaku secara serentak dan ia memberi kesan kepada peniaga di mana kos operasi mereka meningkat. Bagi mengurangkan kadar kerugian, peniaga sendiri terpaksa menaikkan harga jualan. Jika kenaikan harga jualan ini tidak dilakukan mereka terpaksa tanggung kerugian," katanya.

Tambahnya, bagi mengatasi masalah ini apa yang boleh dilakukan dan sedang dilakukan kini adalah dengan memberi subsidi terhadap barangan tertentu.

Sebagai contoh, kerajaan telah memberi subsidi kepada penternak bagi membantu mengurangkan kos dan ini sekali gus membolehkan kadar kenaikan harga dapat diminimumkan.

Namun begitu, Mohd. Yusof tidak menafikan ada peniaga yang mengambil kesempatan menaikkan kadar harga jualan yang tinggi dan tidak wajar hingga membebankan pengguna yang lain.

"Kenaikan harga sesuatu barang ini bergantung kepada kenaikan kos barang mentah. Namun, peniaga jangan mengambil kesempatan menaikkan peratus kenaikan harga melebihi apa yang sepatutnya.

"Kerajaan harus mengambil tindakan kepada peniaga-peniaga yang cuba mengambil kesempatan," tegasnya.




**BUKAN sahaja berlaku kenaikan harga pada ayam, tetapi ikan turut mengalami kenaikan harga.** – GAMBAR HIASAN

**INFO**

**Faktor kenaikan harga barangan**

- Pandemik memberi kesan ke atas rantaian bekalan, tambahan pula China masih melaksanakan 'lockdown' yang menyebabkan khidmat perkapalan untuk import dan eksport tergendala
- Perubahan cuaca kepada terlalu kering dan suhu panas yang tinggi telah memberi kesan kepada pengeluaran gandum di India, Amerika Syarikat dan Kanada
- Peperangan Rusia-Ukraine juga memainkan peranan apabila sekatan ekonomi ke atas Rusia menjejaskan bekalan petrol dan gas asli dunia, lantas meningkatkan harga komoditi dan bahan api
- Malaysia merupakan negara pengimport bersih makanan banyak bergantung kepada makanan import



**MOHD. YUSOF**



**AMALAN berkebun atau bercucuk tanam perlu segera disemarakkan oleh rakyat Malaysia untuk mengurangkan pergantungan makanan dari luar.**



**UPALI**

# Krisis makanan mengesankan semua negara

KRISIS Pertubuhan makanan global ternyata memberi kesan yang amat besar kepada semua negara. Malah, Pertubuhan Makanan dan Pertanian (FAO) Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) berkata, sesetengah negara berpotensi berakhirnya daya tahan mereka terhadap harga yang lebih tinggi.

Pakar Ekonomi FAO, Upali Galketi Aratchilage berkata, peningkatan kos input pertanian seperti baja dan bahan api berkemungkinan menjadi penyebab kepada peningkatan harga import makanan global tahun ini sehingga menjadi lebih besar berbanding sebelum ini.

"Memandangkan harga input yang melambung tinggi, kebimbangan mengenai cuaca dan peningkatan ketidaktentuan pasaran yang berpunca daripada kesan perang di Ukraine memberi kesan kepada masalah ini.

"Ramalan terbaharu dari FAO menunjukkan kemungkinan pasaran makanan akan menjadi lebih ketat dan harga import makanan juga akan mencapai rekod tertinggi," jelasnya.

Beliau berkata, lemak haiwan serta minyak sayuran dan bijiran akan menjadi penyumbang terbesar kepada peningkatan harga import yang lebih tinggi pada tahun ini.

"Negara membangun, secara keseluruhannya akan mengurangkan import bijiran, minyak dan daging yang mencerminkan ketidakupayaan mereka untuk menampung kenaikan harga," jelas Upali.

Sementara itu, katanya, negara kurang maju dan pengimport makanan akan miliki sedikit pilihan untuk mengimport makanan tahun ini.

"Ini adalah petanda yang membimbangkan dari perspektif keselamatan makanan dan pengimport akan berdepan kesukaran dengan peningkatan kos secara global," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 22/6/2022 | SINAR HARIAN | NASIONAL | 11 |

# Nelayan diberi peralatan baharu

## Dapat bot lebih moden, berkapasiti tinggi dan selamat

Nelayan di kawasan Projek Tambakan Pulau Pinang Selatan (PSR) yang layak akan mula menerima bot gentian kaca berukuran 27 kaki yang lebih moden, berkapasiti tinggi dan selamat pada hujung Julai ini.

Ketua Pegawai Eksekutif Penang Infrastructure Corporation, Datuk Seri Farizan Darus berkata, kerja pembuatan bot telah bermula di bawah skim Pelan Pengurusan Impak Sosial (SIMP) yang dirangka khas untuk nelayan yang terlibat dalam pembangunan PSR.

"Kerajaan negeri melantik syarikat tempatan untuk membina bot nelayan. Dijangka beberapa bot akan siap dalam masa terdekat untuk memulakan penyerahan secara berfasa kepada kumpulan penerima yang pertama bulan depan (Julai)," katanya.

Kumpulan penerima pertama terdiri daripada 20 nelayan yang telah mendaftarkan nama dengan kerajaan negeri Pulau Pinang untuk menerima manfaat SIMP.

Di bawah SIMP, pemilik bot atau tekong yang berpangkalan di unit nelayan Permatang Tepi Laut, Gertak Sanggul, Sungai Batu dan Teluk Kumbar (Tahap 1) layak mendapat bot dan enjin baharu.

Berdasarkan rekod Jabatan Perikanan Pulau Pinang, jumlah tekong berdaftar dari empat unit nelayan tersebut adalah seramai 315 orang.



MOHAMAD NASER

**Bot berkualiti**

Bot baharu itu direka bentuk oleh perunding marin Aaira Marine Consultants & Services Sdn Bhd yang telah mengaudit keadaan bot-bot lama nelayan PSR di bawah skim SIMP pada tahun lalu.

Hasil pemeriksaan mendapati, kebanyakan bot yang sedia ada itu sudah usang dan kurang selamat untuk digunakan.

Pakar teknikal Aaira Marine, Mohd Amirrudin Mohd Zainudin berkata, bot nelayan yang baharu dibina dengan menggunakan gentian kaca (*fibreglass*) dan *foam* di bahagian bawah badan kapal (*hull*).

Katanya, penggunaan bahan gentian kaca sepenuhnya dalam pembuatan bot akan menjadikan bot lebih ringan dan tahan lebih lama.

"Apabila lebih ringan, bot itu akan dapat bergerak dengan pantas dan menjimatkan penggunaan minyak.

"Bot itu juga akan lebih tahan dan kurang memerlukan penyelenggaraan berbanding yang dibuat daripada kayu. Kami juga mengesyorkan penggunaan PU *composite honeycomb* yang lebih ringan dan tahan lasak," katanya.

Beliau yang berkepakaran dalam bidang seni bina dan pembinaan kapal berkata, reka bentuk bot yang disediakan menepati keperluan nelayan kawasan PSR.

Katanya, Aaira Marine telah melalui beberapa sesi perbincangan dengan nelayan untuk memuktamadkan reka bentuk bot.

"Kami akan pastikan nelayan mendapat reka bentuk bot yang terbaik untuk keperluan mereka. Pada masa ini, tidak banyak bot nelayan di Malaysia yang menepati piawaian pembinaan bot yang ditetapkan oleh Food and Agriculture Organisation (FAO) bagi pembinaan bot di bawah 12m," katanya.



Wakil jururunding Aaira Marine memeriksa bot lama milik seorang nelayan (berdiri di kanan) di kawasan PSR.

Malah katanya, mulai tahun ini lukisan susun atur am (*general arrangement plan*) bagi semua bot yang dibina perlu mendapat perakuan Jabatan Perikanan, selaras dengan agenda kebangsaan untuk memodenkan sektor nelayan di Malaysia.

**Peluang baik**

Syarikat tempatan Fibra Marine Manufacturing and Trading yang terletak di Butterworth, Seberang Perai Utara, antara yang akan dilantik untuk menguruskan pembinaan 20 bot nelayan itu.

Pemilik Fibra Marine, Mohamad Naser Talib berkata, syarikatnya berpengalaman membina bot gentian kaca berukuran 20 kaki hingga 35 kaki.

"Setiap bot akan dibina oleh dua pekerja. Kami jangka dapat menyiapkan 20 bot dalam tiga bulan," katanya.

Sementara itu katanya, penggunaan gentian kaca sepenuhnya menjadikan reka bentuk bot lebih praktikal dan bertahan lebih 20 tahun.

Jelasnya, pelaksanaan PSR akan memberi kelebihan dari segi peluang baharu dan pembangunan kepada nelayan setempat.

"Misalnya, akan ada tarikan pelancongan baru di kawasan itu yang boleh mewujudkan peluang pekerjaan dan perniagaan untuk tambah pendapatan.

"Mereka harus membuka minda dan memanfaatkan kebaikan daripada peluang ini demi masa depan mereka," tambahnya.

**Enjin mesra alam**

Bot nelayan ini juga dilengkapi enjin baharu berjenama Mercury atau Yamaha.

Enjin Mercury akan dibekalkan oleh syarikat Supratechnic, manakala enjin Yamaha oleh syarikat Hong Bee Motor.

Di bawah skim SIMP, enjin empat lejang (4 *stroke*) yang disediakan akan beroperasi dengan lebih bersih, senyap dan menjimatkan minyak.

Enjin empat lejang juga dikatakan lebih bertahan berbanding enjin dua lejang yang lebih banyak mengeluarkan karbon.

Pengurus Besar Wilayah Supratechnic, Kan Bright Pan pula berkata, enjin Mercury menepati piawaian pengeluaran karbon antarabangsa dan lebih mesra alam.

"Penggunaan enjin empat lejang bagus untuk nelayan kerana ia menjimatkan kos operasi.

"Mereka boleh berjimat sebanyak 30 peratus hingga 50 peratus bergantung kepada kelajuan enjin (RPM atau revolusi per minit)," katanya.

Menurutnya, tempoh waranti yang ditawarkan kepada nelayan juga lebih lama iaitu dua tahun.

Untuk rekod, SIMP turut menawarkan bantuan kewangan (ex-gratia), peluang pekerjaan dan perniagaan, skim latihan dan kemahiran, program tuisyen untuk anak nelayan serta bantuan perumahan kepada nelayan Tahap 1 dan nelayan Tahap 2 dari unit Batu Maung, Sri Jerjak, Telok Tempoyak, Pulau Betong dan Kuala Sungai Burung, yang terdiri daripada 952 nelayan.



Farizan (depan) melihat enjin bot bakal diberi kepada nelayan yang layak di bawah skim SIMP.



Dua pekerja sedang menyiapkan sebuah bot nelayan di Fibra Marine.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 22/6/2022 | THE STAR | NATION | 10 |





A fishing boat being built by Fibra Marine Manufacturing and Trading. The new boats will be made of fibreglass which is more durable than wood.



Fibra Marine boss Mohamad Naser Talib is targeting to deliver the 20-boat order in three months, with the first to be completed next month.

# PSI FISHERMEN TO GET MODERN AND BETTER BOATS

## Fishing folk to also receive cleaner and fuel-efficient new engines


By KARYN ANNE
karynanne@thestar.com.my


ELIGIBLE fishermen involved in the Penang South Islands (PSI) reclamation will be getting modern boats that are safer and higher in capacity in the second half of the year under the project's Social Impact Management Plan (SIMP).

Preparations are now underway to build the first batch of 20 new vessels, which have been designed by marine consultant Aaira Marine Consultancy and Services.

Its technical expert Mohd Amirrudin Mohd Zainudin, who specialises in naval architecture and boat building, said the boats would be made of the more durable fibreglass.

"Wood was the common material for boatmaking in the past. But the material decays after just a few years of use.

"Fibreglass boats are more durable and require less maintenance. If we use fibreglass on the whole boat, we will build a lighter and more durable vessel.

"When boats are lighter, they travel faster, consume less fuel," he said, while also recommending the use of the lighter PU composite honeycomb for boatmaking.

### Bigger and better

Aaira Marine's work with PSR fishermen began late last year when it audited old boats that belonged to fishermen who had signed up for the SIMP and found many to be in bad shape.

The consultant then went through rounds of discussions with the first batch of 20 recipients to get their feedback on the design of the new boats.

"We wanted to make sure the fishermen get the best design. Now, most boats are built without following boatmaking standards set by the Food and Agriculture Organisation (FAO)," Amirrudin said.

He said the new 27ft (8.2m) boats also marked a new beginning in efforts to modernise coastal fishermen, which was in line with the Fisheries Department's (DOF) nationwide agenda.

"Starting this year, all boats to be built must have general arrangement plans certified by DOF. So far, the design for the new boats for PSI area fishermen is the first to get DOF certification.

"When we submitted the plans in February this year, DOF said PSI's boat aid programme was the first to submit the general arrangement plan for the department's technical division to review and approve," he said.

PSI's SIMP, which was formulated by the Penang government to benefit and bring progress to the local fishing community, includes giving new boats and engines to registered boat owners (*tekong*) from the Permatang Tepi Laut, Sungai Batu, Teluk Kumbar, and Gertak Sanggul fishermen units in Tier 1.

Based on Penang Fisheries Department records, 315 boat owners are eligible to receive the new boats along with higher-powered four-stroke engines under the SIMP.



Penang Infrastructure Corporation CEO Datuk Seri Farizan Darus having a closer look at a new boat engine. He says that the provision of new boats and more powerful engines to the fishermen demonstrates the state government's commitment to improve the fishermen's livelihood.

### Local boat builder

Boat maker Mohamad Naser Talib's company Fibra Marine Manufacturing and Trading in Butterworth has been shortlisted to build the first 20 boats. The formal appointment as the contractor is now pending.

Naser said he and his workers, who have experience building 20ft (6m) to 35ft (10.7m)-long fishing boats, aim to finish the order in three months.

"We need two workers to build a 27ft boat. I think we can wrap up the order in three months," he said, adding that the boats designed for PSR area fishermen were good and practical and should last for over 20 years.

"They have a choice between open deck or closed deck boats. The type they choose depends on what they fish.

"They will choose open-deck boats if they mainly catch mackerel (*kembung*), shrimp, and crab.

"Closed deck boats are more suitable for those catching pomfret (*bawal*) and threadfin (*senangin*) because the fishermen need compartments to store their nets," he said when met at his shipyard in Padang Benggali.

Naser said PSI would give new opportunities to fishermen and bring them progress.

"This project can also be good for tourism. Fishermen have much to gain. They just need to open their minds and see the opportunities.

"If we just stay the same, we will not progress," he said.

### Eco-friendly engines

The new boats and the new engines – either Yamaha or Mercury, depending on the fishermen's preference – will undergo predelivery tests to check for defects and to make sure they can float well and cope with rough handling at sea.

The boats will only be delivered to the fishermen after passing the final acceptance test.

Supratechnic regional general manager Kan Bright Pan said the Mercury engines offered by his company meet international emission standards.

"Our four-stroke engines are quiet, cleaner, and have more fuel economy, which is good to help fishermen reduce their fuel cost. Depending on the RPM (revolutions per minute), they can save 30% to 50%.

"Four-stroke engines offer a solution for reducing emissions, which is good for the environment; as well as a way to save cost for fishermen and enhance their income," he said, adding that his company offers two-year warranty for the engines.

HLY Marine sales and service manager Ong Kheng Cheong, whose company is the sole distributor of Yamaha engines, concurred that four-stroke engines are more reliable.

"They are kinder to the environment and more fuel saving compared to the two-stroke engines used by fishermen.

"Two-stroke engines create more emission. So many are switching to four-stroke engines," he said.

### Empowering fishermen

Penang Infrastructure Corporation chief executive officer Datuk Seri Farizan Darus said the provision of new boats and more powerful engines to the fishermen demonstrated the state government's commitment to empower fishermen, contrary to allegations by detractors that the fishermen's livelihoods would be adversely affected.

"Fishing will continue during and after PSI's reclamation. The fishermen themselves know this, which was why some had asked the state government for new boats when the SIMP scheme was being worked out.

"We have now identified a Penang-based boat maker (Fibra Marine) for the job. We are targeting to have the first few boats built and start delivering them in phases to the fishermen from end of July," he said.

Farizan said the state government would also build new jetties equipped with facilities for Tier 1 fishermen units, and a 250m-wide navigation channel that allowed 24-hour access to the sea.

However, the jetties can only be built years from now, as the PSI islands have to be reclaimed first to provide the new jetties protection from strong waves.

As a temporary measure for Permatang Tepi Laut fishermen who berth their boats along the banks of Sungai Bayan Lepas, the state government would provide temporary berthing and storage facilities, Farizan said.

"Engagements with the fishermen involved are still ongoing to seek their views on the design of the facilities. We aim to start work in the third quarter of this year and complete construction in 12 months.

"I believe this is also a first for fishermen to receive so many benefits under a reclamation project's mitigation plan," he said.

The SIMP also offers fishermen financial aid in the form of ex-gratia, job and business opportunities, training opportunities, tuition programmes for their schooling children, and a homeownership scheme.

Fishermen from Batu Maung, Sri Jerjak, Telok Tempoyak, Pulau Betong and Kuala Sungai Burung (Tier 2) are also eligible to register and receive benefits under the SIMP.

DOF data puts the total number of registered fishermen involved in the PSI development at 952 from Tiers 1 and 2.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 22/6/2022 | THE SUN | NEWS | 5 |

# 'Sirim certification would make Musang King pricier'

Move impractical as quality of fruit in terms of texture and taste differs from others yielded by the same tree, says trader

BY **IMAN MUTTAQIN**
*newsdesk@thesundaily.com*

**PETALING JAYA:** Local durian sellers have said the Standards and Industrial Research Institute of Malaysia (Sirim) certification for Musang King durian will burden their businesses and raise the price of the fruit.

They were commenting on a recent statement by Perak State Sirim director Mohd Adzhar Ahmad that the body is planning to implement its certification for the Musang King variant to ensure the fruit's quality and stabilise its price.

The standards are being developed by the Perak state agriculture department and the Malaysian Agricultural Research and Development Institute. The accreditation is to be implemented before the end of this year.

Ah Hee, who is in charge of the Sinnaco Durian Specialist shop in Petaling Jaya, called the idea "silly" and said the certification would not ensure consistency of quality as its pulp is not the same from one fruit to another in terms of texture and taste.

"Producing the Musang King variant is a difficult process. It takes 20 to 30 years to grow a mature tree. Good weather, the right soil, fertilisers, and ample land is needed. Let's say a different part of the farm has slightly different soil. Surely, the fruits from those trees will taste slightly different as well. This certification is meaningless for farmers and sellers.

"The fact is that even now, only 70% of Musang King that is produced is sold, while the rest is thrown away for failing to meet market standards.

If Sirim insists on its certification, then the actual production may drop to 30%. This will translate to even higher prices," he told *theSun*.

Ah Hee said from farm to shop, sellers have already done thorough quality control for customers.

"It will be difficult to meet every certification requirement as we always ensure the taste is good considering the high prices customers pay.

"We cannot taste every fruit to ensure its quality. The natural taste of the variant is different from one fruit to another, and this is the result of the farmers' experience."

A roadside durian seller, who wished to be known only as Ling, said the certification is just an additional burden on sellers.

"If you put a lot of requirements and processes in place to sell Musang King, there will be less supply and prices will increase.

"Musang King is already expensive. We need to pay our suppliers, and when it comes to the customer, it is going to be way more expensive than it is now."

The Consumer's Association of Penang said it does not see any need to implement Sirim certification for Musang King durian.

"Consumers will not benefit from this idea. There are more important things that require Sirim certification, particularly things that affect the public, such as the electrical products we use or food we consume, " said its president Mohideen Abdul Kader.

He added that the cost of Sirim certification will be passed on to consumers and this will certainly increase its price.



Durian sellers said the certification would burden their businesses. – *ADIB RAWI YAHYA/THESUN*

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 22/6/2022 | THE STAR | NATION | 6 |

# On the alert against profiteering

## Minister: Don't increase prices excessively when price caps are removed

By JOSEPH KAOS Jr
joekaosjr@thestar.com.my

**PUTRAJAYA:** With ceiling prices for chicken, eggs and bottled cooking oil to be removed after June 30, the Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry will have its work cut out to ensure there are no drastic price hikes.

Domestic Trade and Consumer Affairs Minister Datuk Seri Alexander Nanta Linggi said his ministry's enforcement officers would be dispatched to check prices on the ground and weed out profiteering traders.

"Once the ceiling price is removed and the price of chicken and eggs is left to market forces, we expect costs to go up.

"The ministry understands this will happen because of rising costs, but traders cannot increase prices excessively.

"We would like to warn traders that we will be monitoring prices and will not hesitate to take action if they are found to have breached our anti-profiteering laws," Nanta told a press conference at his ministry here yesterday.

He was speaking after an engagement session on price and supply issues with industry players and consumer groups.

The ceiling price scheme for chicken and eggs which was implemented on Feb 5 will end after June 30.

The scheme was supposed to end on June 5, but the government extended the deadline to ensure Malaysians are better prepared for the expected price changes.

Nanta said the price of chicken was expected to go up to around RM10 per kg after the removal of the maximum price.

"Livestock farmer groups told me that chicken prices will indeed go up a bit after the subsidy is removed. I cannot confirm by how much but they said it would be around RM10 or so per kg.

"They also gave me their assurance that it won't be as high as RM12 per kg, as speculated by some people.

"I told them they must not increase prices excessively as we will take action if they do," he added.

Currently, the ceiling price for standard chicken is set at RM8.90 per kg in Peninsular Malaysia.

Nanta said enforcement officers would also be on the alert for cases of chicken hoarding before the June 30 deadline.

**Watch the video TheStarTV.com**

"We are aware that some traders might take advantage of the situation by hoarding supplies, so we are constantly monitoring this. If members of the public come across this, please report to us," he said.

On the removal of subsidies for bottled cooking oil after June 30, Nanta said the scheme was always supposed to be a temporary move.

"The scheme which was implemented on Aug 1 last year was supposed to be for three months, but the government has continued it until today.

"The government has spent up to RM20mil a month to provide the subsidies. Now, we have decided to remove it and allow the prices to be dictated by the market," he added.

However, the subsidy for cooking oil sold in 1kg polybag packets will remain. The price of the packets is capped at RM2.50 per item.

The maximum retail price imposed on bottled cooking oil was set at RM29.70 for a 5kg bottle, RM6.70 for 1kg, RM12.70 for 2kg and RM18.70 for 3kg.



**All in a day's work:** A worker arranging bundles of eggs at the MyFarm Outlet Kasih in Putrajaya. Traders have been warned that the Ministry of Domestic Trade and Consumer Affairs will take action against profiteering. — Bernama